

MEREBUT GANJARAN DI BULAN SYAABAN

Sedar atau tidak, di tengah kesibukan kita dalam mendepani penularan wabak pandemik Covid 19, kita telah pun berada dalam bulan Syaaban 1441 H. Sewajarnya kita sebagai umat Islam, tidak boleh leka dan alpa dari merebut segala fadilat yang ada dalam bulan yang penuh barakah ini. Berkata al-Imam al-Syafie r.a. dalam kitab *al-Umm* jilid kedua pada muka surat 485:

إِنَّ الدُّعَاءَ يُسْتَجَابُ فِي خَمْسِ لَيَالٍ فِي لَيْلَةِ الْجُمُعَةِ، وَلَيْلَةِ الْأَضْحَى، وَلَيْلَةِ الْفِطْرِ، وَأَوَّلِ لَيْلَةٍ مِنْ رَجَبٍ، وَلَيْلَةِ النَّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ

Maksudnya: “Doa mustajab adalah pada 5 malam, iaitu malam jumat, malam al-Adha, malam al-Fitri, malam awal bulan Rejab, dan malam nisfu Syaaban”.

Justeru, adalah disarankan agar memperbanyakkan amalan berdoa untuk kebaikan diri, keluarga dan seluruh umat Islam dengan harapan agar diberi ketetapan iman dan Islam, di samping rezeki yang diperluaskan dan dipanjangkan umur serta mati dalam husnul khatimah. Dalam bulan Syaaban, terdapat satu malam yang dinamakan sebagai malam Nisfu Syaaban. Menyentuh tentang malam nisfu Syaaban, terdapat banyak hadis yang menceritakan tentang kelebihanannya. Antaranya ialah hadis yang mencapai taraf hasan daripada Muaz bin Jabal r.a.:

يَطَّلِعُ اللَّهُ إِلَى خَلْقِهِ فِي لَيْلَةِ النَّصْفِ مِنْ شَعْبَانَ فَيَغْفِرُ لِجَمِيعِ خَلْقِهِ إِلَّا لِمُشْرِكٍ أَوْ مُشَاحِنٍ

Maksudnya: Allah SWT melihat makhluk-Nya pada malam nisfu Syaaban kemudian mengampunkan semua makhluk-Nya kecuali orang yang syirik dan juga orang yang bermusuhan.

(Riwayat al-Tabrani)

Hadis ini menegaskan bahawa pada malam nisfu Syaaban, pemerhatian Allah terhadap hamba-Nya merupakan pemerhatian yang istimewa yang disertai dengan belas kasihan dan keampunan. Oleh kerana itu, diampunkan segala dosa yang telah mereka lakukan kecuali dosa orang yang melakukan syirik dan yang bermusuhan dengan manusia lain.

Bagi mendapatkan nikmat kemuliaan dan ketinggian, seseorang itu hendaklah memperbanyakkan amalan kebajikan supaya dengan yang demikian, hati akan tunduk dan mudah menerima hidayah dari Allah SWT. Antara amalan yang digalakkan dalam bulan Syaaban adalah seperti berikut:-

1. Memperbanyakkan berpuasa sunat.

Saidatina Aisyah r.a. berkata bahawa;

لَمْ يَكُنِ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَصُومُ شَهْرًا أَكْثَرَ مِنْ شَعْبَانَ، فَإِنَّهُ كَانَ يَصُومُ شَعْبَانَ كُلَّهُ

Maksudnya: “Tidak pernah Rasulullah SAW berpuasa lebih banyak daripada bulan Syaaban (selain bulan Ramadhan). Sungguh, beliau berpuasa penuh dalam bulan Syaaban..”

(Riwayat al-Bukhari)

Saidina Usamah bin Zaid r.a berkata bahawa:

قلتُ يا رسولَ اللهِ لم أرك تصوم من شهرٍ من الشُّهورِ ما تصومُ شعبانَ قال ذاك شهرٌ يغفلُ النَّاسُ عنه بينَ رجبَ ورمضانَ وهو شهرٌ تُرفعُ فيه الأعمالُ إلى ربِّ العالمينَ وأحبُّ أن يُرفعَ عملي وأنا صائمٌ

Maksudnya: “Aku telah bertanya kepada Rasulullah SAW: “Ya Rasulullah, aku tidak pernah menyaksikan seumpama puasamu di bulan Sya’ban dengan lain-lain bulan kecuali bulan Ramadhan”. Rasulullah s.a.w. bersabda; “Itulah bulan Syaaban di mana manusia lalai mengenainya iaitu antara bulan Rejab dan Ramadhan, ia adalah bulan di mana segala amalan diangkat kepada Allah Tuhan sekalian alam. Maka aku sangat suka sekiranya amalanku diangkat sedangkan pada masa itu aku dalam keadaan berpuasa.”

(Riwayat al-Nasa’i)

2. Beristighfar, berselawat dan berzikir.

Daripada Abdullah Bin Mas'ud bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ أَوْلَى النَّاسِ بِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَكْثَرُ النَّاسِ عَلَيَّ صَلَاةً.

Maksudnya: “*Sesungguhnya orang yang paling utama bersamaku pada hari kiamat adalah orang yang paling banyak berselawat kepadaku.*”

(Riwayat al-Tabrani)

3. Memperbanyak membaca al-Quran dan bersedekah.

Daripada Anas bin Malik r.a. katanya: sahabat-sahabat Rasulullah SAW apabila mereka melihat anak bulan di permulaan bulan Syaaban, mereka bersungguh-sungguh membaca al-Quran. Di samping itu, umat Islam dianjurkan mengeluarkan sedekah kepada fakir miskin supaya golongan yang tidak bernasib baik ini akan memiliki kekuatan untuk menyambut kedatangan bulan Ramadan.